

Syabu cair dalam tuala

Helah lelaki Iran cuba seludup dadah berjaya dihidu Kastam

SARINAH MAT KASIM

NILAI – Helah seorang lelaki Iran merendam dua helai tuala dalam dadah yang dicairkan berjaya dihidu Kastam.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Penguatkuasaan, Datuk Md Hassim Pardi berkata, cubaan menyeludup dadah jenis syabu seberat 1,269 gram dengan anggaran nilai semasa RM317,250 itu berjaya dikesan pegawai kastam di balai ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), pada 9 April lalu.

Hassim berkata, berdasarkan maklumat diperolehi, pegawai kastam bertugas diarahkan bersedia membuat pemeriksaan ketat di semua balai ketibaan.

"Sebaik sahaja penerbangan yang disyaki itu tiba jam 8.30 pagi, Pegawai Penyelia Pemeriksaan Penumpang mengarahkan laluan hijau (green lane) ditutup sebagai persediaan mengesan penyeludup disyaki.

"Bagi memastikan penyeludup tidak terlepas, pasport mereka diperiksa dan bagasi yang tiba dengan semua penerbangan waktu itu diarahkan diimbas," katanya pada sidang media di Pejabat Kastam Narkotik Ibu Pejabat dekat sini, semalam.

Hassim berkata, melalui pemeriksaan pasport, pegawai penyelia berjaya mengesan seorang lelaki Iran disyaki dan mengarahkannya mengimbas bagasi sebelum dibawa ke Pejabat Kastam KLIA bagi pemeriksaan fizikal.

Hasil pemeriksaan fizikal, Kastam menjumpai dua helai tuala dibalut



● Hassim (tengah) melihat tuala basah direndam cecair dipercayai dadah jenis syabu.

plastik lut sinar disembunyikan dalam ruang khas pada bahagian tepi bagasi.

"Keadaan tuala yang berdebu itu disyaki direndam dengan cecair dipercayai dadah jenis syabu dan kes ini kemudiannya dirujuk kepada cawangan narkotik untuk siasatan lanjut.

"Lelaki berkenaan ditahan reman tujuh hari untuk siasatan lanjut kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.

Jika sabit kesalahan, boleh membawa kepada hukuman mati mandatori.

"Penyeludupan syabu seperti ini merupakan insiden kedua yang berjaya dikesan Kastam sejak Disember lalu," katanya. Dalam perkembangan lain, Hassim berkata, sepanjang tahun ini, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya mengesan 17 kes me-

libatkan semua jenis dadah bernilai RM27,280,634 dengan tangkapan 16 warga asing iaitu Iran (11), India (1), Nigeria (1), Pakistan (1) dan Papua New Guinea (2).

Hassim berkata, sehingga April tahun ini, kejayaan JKDM mematahkan penyeludupan dadah jenis syabu meningkat apabila 81.6 kilogram dirampas, berbanding hanya 28 kilogram tahun lalu.

"Malah, modus operandi penyeludupan oleh warga Iran pada tahun ini didapati berubah berbanding sebelumnya.

"Tahun lalu, dadah jenis syabu diseludup dalam kuantiti besar, antara 10 hingga 25 kilogram seorang, tetapi tahun ini, ia diseludup dalam kuantiti kecil antara 1 hingga 3 kilogram melibatkan 'pembawa' yang ramai dalam satu penerbangan," katanya.